AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

قليتا بروني

PELITA BRUNEI

*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

RASULULLAH Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya : "Orang yang bertaubat daripada dosa sama dengan orang yang tidak berdosa". - Diriwayatkan oleh Imam Ibnu Majah, daripada Abu 'Ubaidah bin Abdillah.

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.57 | SUBUH 5.07 | SYURUK 6.30 | DUHA 6.55 | ZUHUR 12.27 | ASAR 3.49 | MAGHRIB 6.21 | ISYAK 7.36 | Daerah Belait ditambah 3 minit Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 3 | 6 JANUARI 2025 / 1446 رجب 6 | JABATAN PENERANGAN | EDISI ISNIN / PERCUMA

# BRUNEI DPMM FC, KUCHING CITY FC SERI 1 - 1



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berangkat menyaksikan Perlawanan Bola Sepak Persahabatan yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah. Berangkat sama ialah paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik. - Foto : Mohammad Hasif Matzin.**

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**

**BERAKAS**, Sabtu, 4 Januari. - Brunei DPMM FC seri 1 - 1 semasa bertembung dengan Kuching City FC pada Perlawanan Bola Sepak Persahabatan yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Berangkat menyaksikan perlawanan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dijunjung oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Pengurus Am DPMM FC, Awang Mohamad Ali bin Haji Momin.

**>> Muka 3**

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN

Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

## Berita Utama



OPERASI Tokan patahkan sindiket pengedaran dadah

Muka 6



2 pelajar wakili negara ke ISYF 2025

Muka 8



SENTIASA peka, kelengkapan siap sedia semasa aktiviti perkhemahan

Muka 10




SENI turun-temurun serikan majlis

Muka 21

# 83 pelajar terpilih sertai Skim Tilawah Al-Quran Remaja

**Oleh : Haniza Abdul Latif**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 5 Januari. – Seramai 83 pelajar terdiri daripada 35 orang pelajar lelaki dan 48 orang pelajar perempuan berjaya mengikuti Skim Tilawah Al-Quran Remaja (STAR), setelah menjalani temu duga yang diadakan pada bulan September tahun 2024.

Sehubungan itu, Jabatan Pengajian Islam melalui Unit Tilawah Al-Quran dan Dikir mengadakan Sesi Pendaftaran Kemasukan Pelajar Baharu STAR bagi Pengambilan Ke-28 Sesi Pengajian 2025-2026 bertempat di Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Masna, di sini.

**>> Muka 7**

# Ilmu membawa manusia kefahaman mendalam tentang ciptaan Allah

**Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 4 Januari. - Lelaki mahupun perempuan yang Muslim adalah diwajibkan untuk menuntut ilmu iaitu mempelajari apa yang dikerjakan agamanya serta mempelajari cara beribadah kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Ilmu juga bukan hanya terbatas ilmu agama tetapi juga ilmu yang bermanfaat dalam kehidupan sehari-hari seperti ilmu teknologi, sains dan sebagainya. Ilmu yang membawa manusia kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang ciptaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Perkara tersebut antara yang disentuh dalam tazkirah bertajuk 'Kewajiban Menuntut Ilmu' disampaikan oleh Guru Ugama Terlatih, Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Hafizah Sururul Bolkiah, Awang Mohammad Faris Zayani bin Mohammad Firdausil Amin dari Dewan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Hafizah Sururul Bolkiah bagi menyerikan Acara Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Kali Ke-167 bersempena Penggal Baharu Persekolahan Tahun 2025.

Mengimarahkan lagi Acara Munajat ialah guru-guru dan murid-murid dari sekolah-sekolah ugama di seluruh negara antaranya Sekolah Ugama Jerudong, Sekolah Ugama Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Hafizah Sururul Bolkiah dan Sekolah Ugama Tumpuan Telisai, Daerah Tutong serta warga kerja KHEU dan jabatan-jabatan di bawahnya.

**>> Muka 4**

# 118 pelajar UNISSA jalani Minggu Ta'aruf

**Siaran Akhbar : Universiti Islam Sultan Sharif Ali**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 4 Januari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pejabat Hal Ehwal Pelajar mengadakan Majlis Taklimat Pelajar Baharu bersempena Minggu Ta'aruf UNISSA bagi kemasukan Januari untuk Sesi Pengajian 2024 / 2025, hari ini.

Seramai 118 orang terdiri daripada 50 pelajar dalam Program Prasiswazah; dan 68 pelajar dalam Program Siswazah bagi kemasukan Januari 2025 mengikuti Majlis Taklimat tersebut. Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Rektor UNISSA, Dr. Dayang Hajah Lilly Suzana binti Haji Shamsu.

**>> Muka 5**

ڤليتا بروني PELITA BRUNEI

# Hidupkan Al-Quran, jadikan amalan sepanjang hayat

**Bismillahir Rahmanir Rahim,
Alhamdulillahi Rabbil 'Alamin,
Wassalatu Wassalamu 'Ala Asyarafil Anbiyaie Wal Mursalin,
Sayyidina Muhammadin Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajma'in
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan salam sejahtera**

**ALHAMDULILLAH**. Saya bersyukur kerana dalam usia sekarang disempatkan lagi oleh Allah Subhanahu Wata'ala hadir buat kali keduanya memenuhi jemputan pihak Nuqra Quranic ini. Saya mengucapkan terima kasih atas ingatan baik menjemput saya untuk turut sama mendapat berkat Majlis Mega Konvokesyen ini.

Ingatan baik pimpinan Nuqra Quranic Learning Centre itu adalah tanda keikhlasan mereka iaitu Pengarah Urusan I dan Pengarah Urusan II serta Penolong Pengarah Besarnya. Yakni ikhlas berfikiran tenang dengan hati yang jernih. Percayalah bahawa fikiran tenang dan hati yang jernih mereka itu adalah kerana berkat Al-Quran.

Mereka mengusahakan Nuqra Quranic Learning Centre ini dengan tujuan yang murni.

Dahulu pun saya telah menyambut baik inisiatif mereka. Maka sekarang saya ingin mengucapkan syabas, tahniah atas kegigihan mereka bagi membantu sebahagian anggota masyarakat Brunei mendekatkan diri kepada Al-Quran.

Sesungguhnya Nuqra Quranic Learning Centre ini telah memberi kemudahan kepada para pelajar yang berkeinginan untuk mempelajari Al-Quran dan menghidupkan Al-Quran dalam diri mereka, bukan sahaja sebagai bacaan harian bahkan akan jadi amalan sepanjang hayat.

Seterusnya terdapat pula laluan kemudahan juga kepada para guru untuk berkhidmat mengajarkan Al-Quran.

Ringkasnya : ada kemudahan untuk belajar Al-Quran dan ada juga kemudahan untuk berkhidmat mengajar Al-Quran.

Ada pelajar yang belajar Al-Quran, ada juga guru yang mengajarkan Al-Quran.

Ternyata kedua-kedua pihak yang belajar dan yang mengajar Al-Quran itu ada disebutkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sebuah hadis Baginda yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari, yang bermaksud : "*Sebaik-baik kamu adalah orang yang mempelajari Al-Quran dan mengajarkannya.*"

Sementara dalam sebuah hadis lagi yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari juga Baginda menyifatkan orang yang belajar dan mengajar Al-Quran itu adalah paling utama di kalangan kita.

إِنَّ أَفْضَلَكُمْ مَنْ تَعَلَّمَ الْقُرْآنَ وَعَلَّمَهُ.

Dalam hal ini ialah para pelajar dan para guru yang mengajar dan berkhidmat di Nuqra Quranic Learning Centre ini. Mereka disifatkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai orang yang terbaik dan paling utama di antara kita. Pelajar kerana belajar dan guru kerana mengajar.

Kita jangan lupa bahawa Nuqra Quranic Learning Centre ini diusahakan dan dikembangmajukan dengan kelolaan yang baik oleh ketiga-tiga mereka itu. MasyaaAllah!

Oleh itu, sesungguhnya mereka yang mengusahakan dan seterusnya mengelolakan Nuqra Quranic Learning Centre ini adalah wajar dan layak pula menjadi sebahagian orang yang terbaik dan yang paling utama yang disebutkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu.

Maka dengan ikhlas saya doakan mereka sekeluarga akan sentiasa diberkati oleh Allah dengan nikmat sihat dan bahagia dunia akhirat.

Hadirin yang dihormati khasnya para pelajar yang diberkati Allah.

Sesungguhnya mempelajari Al-Quran dan mengajarkannya adalah usaha yang memerlukan komitmen yang tinggi.

Kedua-dua pihak iaitu guru dan pelajar bahkan juga pengusaha Nuqra Quranic Learning Centre sendiri bukan setakat mahukan pelajar-pelajarnya segera pandai dan khatam. Komitmen masing-masing ialah untuk memenuhi keinginan supaya Al-Quran menjadi panduan dalam menempuh liku-liku kehidupan baik diri sendiri mahupun dalam kehidupan berkeluarga, apalagi bermasyarakat dan bernegara.

Kita mengakui bahawa setakat membaca Al-Quran dan mendengar Al-Quran dibacakan pun kita sudah boleh mendapat pahala. Dalam waktu yang sama kita juga diserukan oleh Allah Subhanahu Wata'ala supaya mengambil pengajaran daripada ayat-ayat yang dibaca dan didengar itu.

Firman Allah dalam ayat 29 Surah Saad, yang bermaksud : "*Al-Quran ini ialah kitab yang Kami (Allah) telah turunkan kepadamu (wahai Nabi Muhammad), yang mengandungi berkat supaya mereka memikirkan dengan teliti kandungan ayat-ayatnya dan supaya orang-orang yang mempunyai akal dapat mengambil pengajaran*".

Oleh itu, kepada pelajar-pelajar seyogialah meneruskan usaha selain pandai membaca dan telah sampai Khatam 30 Juzuk bacaan ayat-ayat Al-Quran, teruskanlah membaca sambil untuk memahami dan mendapat pengajaran dari Al-Quran itu.



**MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman berucap pada Majlis Mega Konvokesyen Nuqra Quranic Learning Centre pada Jumaat, 27 Jamadilawal 1446 Hijrah / 29 November 2024 Masihi bertempat di Sutera Hall, Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong.**

Ada banyak mushaf Al-Quran boleh diperoleh dan dibaca yang mengandungi terjemahan makna dan huraian tafsirnya.

Ada banyak program radio dan televisyen bahkan melalui aplikasi telefon bimbit pun ada rakaman mushaf dan terjemahannya.

Tinggal lagi ialah kemahuan untuk sambil membaca Al-Quran bacalah juga terjemahan makna ayat-ayatnya dan kalau sempat baca jugalah huraian tafsirnya.

>> Muka 7

## WAKTU SEMBAHYANG

| JANUARI MASIHI | HARI | REJAB HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 6 | ISNIN | 6 | 4.57 | 5.07 | 6.30 | 6.55 | 12.27 | 3.49 | 6.21 | 7.36 |
| 7 | SELASA | 7 | 4.58 | 5.08 | 6.31 | 6.55 | 12.27 | 3.49 | 6.22 | 7.36 |
| 8 | RABU | 8 | 4.58 | 5.08 | 6.31 | 6.55 | 12.28 | 3.50 | 6.22 | 7.37 |
| 9 | KHAMIS | 9 | 4.59 | 5.09 | 6.32 | 6.56 | 12.28 | 3.50 | 6.23 | 7.37 |
| 10 | JUMAAT | 10 | 4.59 | 5.09 | 6.32 | 6.56 | 12.29 | 3.51 | 6.23 | 7.37 |
| 11 | SABTU | 11 | 5.00 | 5.10 | 6.32 | 6.56 | 12.29 | 3.51 | 6.24 | 7.38 |
| 12 | AHAD | 12 | 5.00 | 5.10 | 6.33 | 6.57 | 12.30 | 3.51 | 6.24 | 7.38 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | ISNIN | SELASA | RABU |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 32 25 °C | 32 25 °C | 31 24 °C |
| Pekan Bangar | 32 25 °C | 32 25 °C | 30 24 °C |
| Pekan Tutong | 32 25 °C | 32 25 °C | 31 24 °C |
| Kuala Belait | 32 25 °C | 32 25 °C | 30 24 °C |

Wallahualam Bissawab www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 6 JANUARI 2025

# Banteras jenayah, kekalkan keamanan, kesejahteraan

**ALHAMDULILLAH**, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua, kita telah pun melangkah ke Tahun Baharu Masihi 2025 dalam keadaan aman lagi sejahtera. Nikmat keamanan dan kesejahteraan ini setentunya anugerah yang istimewa daripada Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita. Dengan adanya keamanan, rakyat dapat hidup dengan selesa, tidak ada huru-hara dan kekacauan, manakala kemajuan pula dapat dijana dan keselamatan dapat dirasa. Justeru, sesungguhnya anugerah keamanan dan keharmonian negara yang kita nikmati ini perlulah disyukuri dan dipertahankan oleh seluruh rakyat dan penduduk.

Keamanan dan kesejahteraan adalah keadaan di mana seseorang, masyarakat dan negara berada dalam suasana harmoni, hidup rukun damai dalam kestabilan dan ketenangan jiwa, bebas daripada ketakutan dan gangguan. Demikian antara inti pati Khutbah Jumaat baru-baru ini yang menyentuh mengenai nikmat keamanan dan kesejahteraan.

Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ibrahim, ayat 7 yang tafsirnya : "*Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu (dengan sejelas-jelasnya) : Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur (terhadap segala nikmat-Ku) tentu Aku akan menambah nikmat itu kepada kamu dan demi sesungguhnya jika kamu kufur (terhadap nikmat itu) maka sesungguhnya azab-Ku sangat keras*".

Kita selaku rakyat dan penduduk yang bernaung di bumi Darussalam yang bertuah ini tidak boleh lalai dan leka, kita wajib mensyukuri nikmat kurniaan Allah Subhanahu Wata'ala ini dan sentiasa menjaganya agar nikmat keamanan dan kesejahteraan di bumi Darussalam ini berkekalan.

Oleh itu, bagi membanteras dan mencegah daripada berlakunya jenayah dan perbuatan mungkar di negara ini, antara agensi keselamatan kerajaan yang diamanahkan dan dipertanggungjawabkan sebagai peneraju utama untuk menegakkan undang-undang itu ialah Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB).

Sesuai era siber dan perkembangan teknologi yang semakin canggih dan pesat, PPDB sentiasa berusaha untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran di dalam memacu prestasi, kualiti dan kecekapan yang lebih cemerlang dalam menangani trend jenayah yang semakin mencabar dan kompleks terutamanya jenayah siber yang semakin berleluasa.

Dalam Khutbah Jumaat tersebut juga menyentuh mengenai statistik jenayah siber yang pernah dilaporkan pada tahun lepas, terdapat lebih daripada 848 kes penipuan dalam talian yang mana, 88 peratus daripada adalah warganegara tempatan. Dalam kes-kes penipuan tersebut, kebanyakannya adalah dalam kalangan umur 36 tahun ke atas dan jumlah keseluruhan kerugian sudah melebihi dua perpuluhan lima juta ringgit. Malahan kini, jenayah siber sudah hampir seimbang dengan jenayah curi.

Oleh yang demikian, kerjasama yang padu antara PPDB dan masyarakat adalah sangat diharapkan dalam sama-sama membanteras jenayah demi mengekalkan keamanan dan kesejahteraan negara. Kita juga perlu mematuhi segala perintah Allah selain sama-sama mendukung perlembagaan negara, undang-undang dan peraturan negara agar negara kita akan sentiasa terjaga dan mendapat perlindungan Allah. - **Ketua Penyuntingan (Hs)**

**Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتكن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سنديرين برحد، نݢارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# Brunei DPMM FC, Kuching City FC seri 1 - 1





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berangkat menyaksikan Perlawanan Bola Sepak Persahabatan di antara Brunei DPMM FC dengan Kuching City FC. Berangkat sama ialah paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik (atas dan kiri).

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Mohammad Hasif Matzin, Azmah Haji Ahad**

**>> Muka 1**

Berangkat sama ialah paduka adinda dan anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.

Brunei DPMM FC berjaya membuka jaringan seawal 6 minit permainan separuh masa pertama melalui sepakan pemain pertahanan, Damir Muminovic.

Kuching City FC kemudian bangkit mengatur serangan dan berjaya menembusi gawang Brunei DPMM FC pada separuh masa kedua pada minit ke-69 melalui sepakan James Onyekachukwu Okwuosa sekali gus mengikat kedudukan seri 1–1 hingga permainan tamat.

Perlawanan Bola Sepak Persahabatan antara Brunei DPMM FC dan Kuching City FC adalah sebagai pemanasan bagi Brunei DPMM FC menyambung semula perlawanan Liga Perdana Singapura (SPL) pada 13 Januari ini setelah berehat sejak November tahun lalu.



TURUT berangkat, anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.



ANTARA yang hadir menyaksikan perlawanan (kiri), manakala gambar kanan, bawah kiri dan bawah kanan, sekitar perlawanan yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.







PELITA BRUNEI

# ILMU MEMBAWA MANUSIA KEFAHAMAN MENDALAM TENTANG CIPTAAN ALLAH



TURUT hadir pada Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Kali Ke-167 bersempena Penggal Baharu Persekolahan Tahun 2025 ialah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

>> Muka 1

Acara Munajat petang tadi dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Pegawai Pendidikan Ugama Tingkat Khas, Guru Besar Sekolah Ugama Jerudong, Awang Haji Muhamad Said bin Haji Mustapa dari Dewan Sekolah Ugama Jerudong.

Diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dipimpin oleh Awang Mohammad Faiq Ismail bin Haji Mohd. Faisal, murid Darjah VI Alif, Sekolah Ugama Jerudong.

Seterusnya, Doa Munajat dibacakan oleh Pegawai Pendidikan Ugama, Guru Besar Sekolah Ugama Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Awang Azmerul bin Haji Haris dari Surau Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Selesai tazkirah, disusuli dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah beramai - ramai dipimpin oleh Awang Haji Ahmad Hamzi bin Haji Abd. Aziz murid Darjah VI Ta, Sekolah Ugama Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam (NBD) pula dibacakan oleh Guru Ugama Terlatih, Sekolah Ugama Tumpuan Telisai, Daerah Tutong, Awang Sirajul Adli bin Haji Yusop dari Dewan Sekolah Ugama Tumpuan Telisai.

Turut hadir pada Munajat berkenaan ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Acara Munajat anjuran KHEU mengajak orang ramai untuk bersama - sama mempertingkatkan amalan kerohanian, memohon keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala dengan beristighfar, membaca ayat-ayat suci Al-Quran dan menghayati maknanya serta merafakkan dan mengaminkan doa secara serentak beramai-ramai dengan harapan agar NBD dan seluruh rakyat dan penduduknya terselamat daripada segala bala bencana dan penyakit berbahaya.









# 118 pelajar UNISSA jalani Minggu Ta'aruf

**Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali**






**PEMANGKU Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Dayang Hajah Lilly Suzana binti Haji Shamsu hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Taklimat Pelajar Baharu bersempena Minggu Ta'aruf UNISSA bagi kemasukan Januari untuk Sesi Pengajian 2024 / 2025 (atas), manakala gambar atas kiri, ucapan alu-aluan daripada Pemangku Dekan Pelajar UNISSA, Awang Haji Mohammad Khairul Nazif bin Haji Awang Damit selaku Pengerusi Majlis. Sementara gambar kanan, bacaan ikrar pelajar baharu diketuai oleh Awang Adib Zainul Zaky bin Haji Abdul Manaf, mahasiswa daripada Fakulti Teknologi Islam.**



**>> Muka 1**

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Pegawai Ugama UNISSA, Pengiran Mohammad Daud bin Pengiran Matassan, diikuti dengan ucapan alu - aluan daripada Pemangku Dekan Pelajar UNISSA, Awang Haji Mohammad Khairul Nazif bin Haji Awang Damit selaku Pengerusi Majlis.

Majlis diteruskan dengan ucapan yang disampaikan oleh Pemangku Penolong Rektor (Akademik), Dr. Dayang Hajah Mas Nooraini binti Haji Mohiddin di mana beliau menyentuh mengenai suasana alam pembelajaran daripada peringkat sekolah menengah ke alam universiti adalah sangat berbeza.

Beliau juga menyebut tentang cabaran dan rintangan yang akan dihadapi oleh pelajar-pelajar dan turut menasihati pelajar-pelajar memperbanyakkan berdoa dan bermunajat kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar dipermudahkan segala urusan dan diberikan kekuatan untuk menghadapi segala cabaran.

Majlis diakhiri dengan bacaan ikrar pelajar baharu diketuai oleh Awang Adib Zainul Zaky bin Haji Abdul Manaf, mahasiswa daripada Fakulti Teknologi Islam.

# 177 PELAJAR BAHARU SM SMJA MULAKAN PROGRAM ORIENTASI



**Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi**



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 4 Januari. - Seramai 177 pelajar terdiri daripada 99 pelajar lelaki dan 78 pelajar perempuan Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SM SMJA) menjalani Program Orientasi yang berlangsung di Dewan Mumtaz, hari ini.

Program diadakan selama tiga hari ini bertujuan untuk membolehkan para pelajar berdikari dan yakin diri serta mengetahui dan memahami peraturan-peraturan sekolah.

Di samping itu, ia juga untuk mengetengahkan proses pengenalan dan pemberian maklumat kepada ibu bapa atau penjaga serta pelajar tentang pelbagai maklumat berkaitan perkhidmatan atau kemudahan yang disediakan oleh pihak sekolah.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pengetua SM SMJA, Dayang Hajah Norhashimah binti Haji Burut.

Dalam ucapannya, beliau menyentuh mengenai Persatuan Ibu Bapa Guru sekolah (PIBG) yang mana persatuan ini memainkan peranan penting di mana ibu bapa perlu melibatkan diri secara aktif dan berterusan.

"Fungsi dan tanggungjawab PIBG amat besar serta mencabar, ke arah meningkatkan akses, ekuiti, kecekapan, keberkesanan dan kualiti dalam Pendidikan.

"PIBG SM SMJA telah berjaya menganjurkan berbagai aktiviti dan juga aktif mendukung kecemerlangan pelajar dan guru seperti membiayai hadiah berbentuk trofi dan wang tunai," jelas beliau.

Pihak PIBG juga antara lain berperanan meningkatkan kemudahan fizikal dan prasarana sekolah untuk mewujudkan suasana yang kondusif bagi menjayakan aktiviti dan program sekolah.

Selain itu, SM SMJA berhasrat untuk merealisasikan impian Kementerian Pendidikan untuk menjadikan sekolah tersebut sebagai sebuah sekolah digital dan lebih banyak pengajaran serta pembelajaran akan dijalankan menggunakan teknologi pada tahun ini.

Dayang Hajah Norhashimah juga melahirkan harapan untuk wujudnya satu kerjasama yang erat antara pihak sekolah dan ibu bapa, terutama sekali dalam mendukung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana ibu bapa memainkan peranan yang sangat penting untuk mengingatkan pelajar mengenai tanggung jawab penggunaan teknologi secara selamat dan beretika.

Program Orientasi juga diisi dengan taklimat akademik yang disampaikan oleh Timbalan Pengetua Akademik, Dayang Paridah binti Haji Bayong dan Taklimat BruCERT oleh Awangku Mohd. Farid Zulhusni bin Pengiran Aziz. Majlis juga diserikan dengan tayangan video mempamerkan struktur, organisasi, infrastruktur dan aktiviti sekolah.



**UCAPAN alu-aluan daripada Pengetua SM SMJA, Dayang Hajah Norhashimah binti Haji Burut (atas), manakala gambar kiri dan bawah kiri, antara yang hadir pada program berkenaan.**

# OPERASI TOKAN PATAHKAN SINDIKET PENGEDARAN DADAH

**Siaran Akhbar dan Foto : Biro Kawalan Narkotik**




**HASIL barang rampasan Operasi Tokan pada bulan Disember 2024 yang lalu (atas, bawah dan bawah sekali). Manakala gambar kanan, dadah yang diseludup disembunyikan di dalam bahagian enjin kenderaan yang digunakan bagi mengelakkan daripada dikesan oleh pihak Biro Kawalan Narkotik.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 4 Januari. - Biro Kawalan Narkotik (BKN) telah menjalankan Operasi Tokan pada bulan Disember 2024 yang lalu dengan menyasarkan kepada sindiket pengedaran dadah yang didalangi oleh seorang lelaki tempatan berumur 51 tahun dan mempunyai rekod kesalahan lama di bawah Akta Penyalahgunaan Dadah, Penggal 27.

Dalang utama sindiket ini menjalankan kegiatan penjualan dadah syabu di Daerah Tutong serta membekalkan syabu kepada penjual dadah di Daerah Tutong dan Daerah Belait. Beliau juga diketahui merekrut beberapa orang *runner* yang dikenali untuk mendapatkan bekalan dadah dari negara jiran.

Pada 3 Disember 2024, Operasi Tokan telah menahan dua warga tempatan yang menyeludup dadah jenis syabu berjumlah 501.41 gram masuk ke Negara Brunei Darussalam melalui Pos Kawalan Sungai Tujoh. Dadah yang diseludup disembunyikan di dalam bahagian enjin kenderaan yang digunakan bagi mengelakkan daripada dikesan oleh pihak BKN.

Operasi susulan kemudian dijalankan pada 3 dan 8 Disember 2024 di Daerah Tutong dan menahan enam orang lagi warga tempatan yang terlibat dalam kegiatan sindiket ini. Sementara itu, dalang utama Operasi Tokan telah berjaya ditahan semasa satu serbuan di sebuah rumah sewa di Daerah Belait pada 19 Disember 2024.

Pada hari yang sama, BKN turut menyerbu dua lokasi berlainan di Daerah Belait dan menahan sembilan individu yang diketahui berkaitan dengan rangkaian ini.

Secara keseluruhan, Operasi Tokan telah menahan 14 warga tempatan dan empat orang penduduk tetap yang terlibat dalam aktiviti penyalahgunaan dan pengedaran dadah dengan rampasan dadah keseluruhan sebanyak 563.56 gram syabu. Jumlah dadah ini dianggarkan bernilai lebih daripada BND75,000 di pasaran tempatan dan boleh menampung sekurang-kurangnya 5,600 pengguna dadah.

Tiga orang tangkapan daripada operasi ini akan disiasat di bawah Seksyen 5 Akta Penyalahgunaan Dadah, Penggal 27 atas kesalahan mengimport dadah terkawal dan jika sabit kesalahan dengan jumlah dadah tersebut, boleh membawa hukuman gantung sampai mati.



Dalam kesempatan ini, BKN ingin merakamkan penghargaan atas bantuan kerjasama daripada agensi-agensi perisikan keselamatan yang menyumbang kepada kejayaan operasi ini.









# 83 PELAJAR TERPILIH SERTAI SKIM TILAWAH AL-QURAN REMAJA





**SEKITAR Sesi Pendaftaran Kemasukan Pelajar Baharu STAR bagi Pengambilan Ke-28 Sesi Pengajian 2025-2026 bertempat di Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Masna (atas, kiri dan bawah kiri). Manakala gambar bawah dan bawah sekali kiri, sebahagian yang hadir mendengarkan taklimat pada sesi berkenaan.**

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**>> Muka 1**

Sejurus selepas Sesi Pendaftaran, majlis diteruskan dengan taklimat kepada pelajar-pelajar berkenaan yang disampaikan oleh Ketua Unit Tilawah Al-Quran dan Dikir, Bahagian Pelajaran Lanjutan, Jabatan Pengajian Islam, Dayang Siti Huzzaimah Yadey binti Haji Rosli dan disusuli dengan sesi pengenalan tenaga - tenaga pengajar skim tersebut.

Taklimat berkenaan antara lain menerangkan mengenai Program STAR yang mana para peserta akan mengikuti skim tersebut selama dua tahun dan akan dikendalikan selama dua jam pada setiap hari Jumaat dan Ahad semasa penggal persekolahan.

STAR ditubuhkan dengan objektif untuk melatih dan membimbing pelajar remaja dalam pembacaan Al-Quran melalui lagu-lagu tilawah yang masyhur, dikir dan juga tausyeh.

Di samping itu, skim ini diharap akan dapat melahirkan pembaca - pembaca Al-Quran remaja berpotensi yang dihasratkan menjadi pelapis qari dan qariah negara peringkat kebangsaan.





## HALUAN

# Hidupkan Al-Quran, jadikan amalan sepanjang hayat

**>> Muka 2**

Dengan cara itu akan sempurnalah keinginan untuk pandai membaca Al-Quran yang seterusnya pula untuk mendapat petunjuk dan rahmat setelah mendapat pahala membaca dan mendengar bacaan ayat-ayat Al-Quran untuk beroleh petunjuk dan rahmat Allah, sebagaimana yang disebutkan oleh Allah dengan firman-Nya dalam Surah Yunus ayat 57, yang bermaksud : "*Wahai manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu (Al-Quran yang menjadi) pengajaran dari Tuhan kamu dan ubat penyembuh bagi (penyakit batin) yang ada di dalam dada dan petunjuk serta rahmat bagi orang-orang beriman*".

Semoga dengan itu, kita sekalian dan para pelajar khasnya yang sudah khatam akan bertambah dekat, akrab mendampingi Al-Quran yang menjadi penawar dan rahmat kepada kita.

Sekianlah. Semoga ucapan ini ada gunanya.

*Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*


# MINDA PEMBACA

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**
1.**'Memperkasa Hak Orang Kurang Upaya'.** Tarikh Tutup : **8 Januari 2025**
2.**'Pembaziran Merugikan Masyarakat, Ekonomi Negara'.** Tarikh Tutup : **15 Januari 2025**
3.**'Kepimpinan Bermula Dari Diri Sendiri'.** Tarikh Tutup : **22 Januari 2025**

**TERMA DAN SYARAT :**
1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15** hingga **40 tahun,** yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**
Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
***pelita.brunei@information.gov.bn***

Menangi
**BND75**
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

# 2 PELAJAR WAKILI NEGARA KE ISYF 2025



**PEMANGKU Pengarah Pengajian Tinggi dan Ketua Pusat EDGE, Kementerian Pendidikan, Dr. Mona Aliana binti Dato Paduka Awang Haji Mohd. Alimin hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada dua orang pelajar bersama seorang guru selaku peserta dan mentor yang menyertai 17th International Science Youth Forum 2025 (ISYF 2025).**

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan**

**BERAKAS**, Ahad, 5 Januari. - Kementerian Pendidikan melalui Pusat Perkembangan Pendidikan Cerdas, Pintar dan Berbakat (CentrE for the Development of Gifted and Talented Education, EDGE) telah menyelaras penyertaan bagi dua orang pelajar bersama seorang guru selaku peserta dan mentor untuk menyertai 17th International Science Youth Forum 2025 (ISYF 2025).

Forum ini dianjurkan oleh Hwa Chong Institution (College Section) dengan sokongan dari Kementerian Pendidikan, Republik Singapura yang akan diadakan bermula dari 6 hingga 10 Januari 2025 di Hwa Chong Institution, Republik Singapura.

Pelajar-pelajar yang mewakili Negara Brunei Darussalam (NBD) ialah Awang Muhamad Azri Hazmi bin Hanafi, pelajar Tahun 12 dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan dan Awang Chen Po-Hua, pelajar Tahun 11 dari Chung Hwa Middle School, Bandar Seri Begawan.

Manakala Awang Mohammad Raymie bin Haji Othman dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, menyertai selaku peserta (guru) dan mentor kepada para pelajar berkenaan.

Forum yang bertemakan 'Innovation Unified: Towards A Better Future' merupakan forum tahunan yang bertujuan untuk menyediakan platform bagi pelajar-pelajar yang berumur 16 dan 17 tahun untuk berinteraksi dengan penerima Hadiah Nobel (Nobel Laureates) dan Saintis terkemuka dalam bidang sains.

Forum ini turut diadakan untuk memperkaya dan meningkatkan kecekapan pedagogi guru melalui Dialogues and Masterclass Sessions bersama penerima Hadiah Nobel, saintis dan pakar dalam bidang sains. Di samping itu, forum ini juga bertujuan mengeratkan hubungan dan kerjasama antara pendidik bagi masa hadapan.

Semasa forum, para peserta akan berpeluang untuk menyertai pelbagai aktiviti seperti Aktiviti Sains, Singapore Discovery Trail, Cultural Hour and Exhibition dan Pameran Poster serta lawatan ke National Institute of Education, Science Centre Singapore.

Di samping itu, pelajar-pelajar yang mewakili NBD akan membentangkan cadangan projek mereka yang bertajuk 'RiverClear: A Solution to Cleaner Water' semasa Sesi Pameran Poster tersebut.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar ialah Pemangku Pengarah Pengajian Tinggi dan Ketua Pusat EDGE, Kementerian Pendidikan, Dr. Mona Aliana binti Dato Paduka Awang Haji Mohd. Alimin.

Turut hadir ialah pegawai-pegawai dari Pusat EDGE, Kementerian Pendidikan dan para ibu bapa serta ahli keluarga pelajar.




# Seorang warga tempatan ditahan bawa barang tegahan





**SEBUAH kereta mencurigakan dan disyaki membawa barang yang ditegah (atas kiri), manakala gambar atas kanan, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) berjaya menahan minuman keras sebanyak 456 tin dan 60 botol serta 100 karton rokok.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei**

**TEMBURONG**, Sabtu, 4 Januari. - Balai Polis Temburong, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) baru-baru ini berjaya menahan sebuah kereta yang membawa barang-barang tegahan di Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien (SHOAS).

Balai Polis Temburong telah menerima maklumat daripada orang awam pada sekitar tengah hari mengenai sebuah kereta mencurigakan dan disyaki membawa barang yang ditegah, peronda balai kemudian dikerahkan untuk menuju ke Jambatan SHOAS dan berjaya menemui kereta tersebut yang dalam perjalanan menuju ke Bandar Seri Begawan.

Hasil daripada maklumat tersebut, pihak PPDB telah berjaya menahan minuman keras sebanyak 456 tin dan 60 botol serta 100 karton rokok.

Pemandu, seorang warga tempatan dan tidak bekerja serta kereta berkenaan ditahan dan seterusnya dibawa ke Balai Polis Temburong untuk tindakan selanjutnya.

PPDB mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada orang awam atas bantuan dan maklumat yang telah membawa kepada kejayaan rampasan barang-barang tegahan tadi.

Kejayaan ini menekankan peranan penting kerjasama masyarakat dalam memastikan keselamatan awam. Keprihatinan dan komitmen anda dalam melaporkan aktiviti mencurigakan sangat membantu dalam usaha bersama untuk membanteras jenayah dan melindungi masyarakat.

# RAIH GANJARAN BULAN REJAB DENGAN AMAL IBADAH





**BEBERAPA amalan yang dituntut untuk diperbanyakkan pada bulan Rejab antaranya ialah berdoa dan bersedekah (kiri sekali dan kiri).**

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Alishahrin Haji Mumin**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 4 Januari. – Bulan Rejab merupakan bulan ketujuh mengikut kiraan takwim Hijrah dan bulan yang ditetapkan sebagai salah satu bulan yang dihormati.

Selain itu, bulan Rejab juga banyak kelebihan dan menjanjikan ganjaran serta seribu kemuliaan di akhirat bagi sesiapa yang memeriahkannya dengan tambahan ibadat.

Maksud Rejab ialah membesarkan dan mengagungkan Allah Subhanahu Wata'ala yang sentiasa mengurniakan rahmat kemurahan dan kebajikan kepada mereka yang sentiasa menurut perintah-Nya.

Beberapa amalan yang dituntut untuk diperbanyakkan pada bulan Rejab antaranya menghidupkan Qiamullail seperti sembahyang sunat, membaca Al-Quran, berzikir, beristighfar, berselawat ke atas Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan berdoa.

Manakala pada siang hari bulan Rejab pula, umat Islam dituntut untuk berpuasa dan bersedekah.

Pada asasnya semua amalan tersebut boleh dihidupkan di sepanjang bulan Rejab dan seseorang boleh mengamalkan kesemua amalan ini dan tidak menentukan bahawa mesti dilakukan pada bulan Rejab.

Terbukti bahawa bulan Rejab merupakan bulan Haram yang merupakan bulan Allah Subhanahu Wata'ala dan selaku hamba-Nya, umat Islam wajar membesarkan bulan ini dengan amalan-amalan yang dianjurkan dalam Islam untuk mengambil keberkatan.

Apa yang lebih penting amalan tersebut semata-mata untuk mendapatkan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala dan bagi tujuan mengamalkan ajaran Islam yang menggalakkan umat Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam meningkatkan amal soleh dan sebagai bekalan di akhirat nanti.

Seseorang Muslim boleh memilih untuk beramal mengikut kemampuan masing-masing dengan mengusahakan sebanyak mungkin bagi mendapatkan keberkatan serta keredaan daripada Allah Subhanahu Wata'ala dengan memperbanyakkan ibadah.

Justeru, selaku hamba yang taat dan sebagai persediaan untuk menuju ke bulan Ramadan yang bakal tiba, maka wajar bulan ini dihidupkan dengan amalan yang dianjurkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

# Bina keyakinan diri, hargai usaha anak-anak

**Berita dan Foto : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**



**TUTONG**, Sabtu, 4 Januari. - Usaha membantu mempertingkatkan lagi keyakinan diri anak-anak ke arah kecemerlangan merupakan salah satu pembentuk jati diri anak-anak menjadi individu yang cemerlang dan berdaya tahan.

Sebagai ibu bapa kita digalakkan untuk memberi semangat dan sentiasa menghargai usaha anak-anak dan hindari daripada merendahkan keyakinan mereka.

Dayang Nabeelah binti Raheem, 31 tahun dari Kampung Kiulap semasa ditemui menjelaskan, sebagai ibu bapa hendaklah mengenal pasti minat anak atau bakat dalam membentuk anak-anak membina keyakinan diri sesuai dengan kemampuan mereka, baik dari segi pelajaran mahupun dalam melakukan aktiviti yang mereka sukai.

"Ibu bapa juga perlu memberi contoh yang baik kepada anak masing-masing kerana ia dapat memberi kesan yang positif kepada mereka dalam membantu keyakinan diri," ujarnya menjelaskan lagi.

Oleh yang demikian dengan usaha yang berterusan dan sokongan daripada ibu bapa, insyaaAllah anak-anak dapat membina keyakinan dalam mencapai kecemerlangan.



**IBU bapa hendaklah mengenal pasti minat anak atau bakat dalam membantu anak-anak membina keyakinan diri sesuai dengan kemampuan mereka, baik dari segi pelajaran mahupun dalam melakukan aktiviti yang mereka sukai (kiri dan atas).**



PELITA BRUNEI

# SENTIASA PEKA, KELENGKAPAN SIAP SEDIA SEMASA AKTIVITI PERKHEMAHAN





ANTARA barang keperluan yang boleh dibawa semasa berkhemah di luar rumah sama ada di taman-taman, hutan atau kawasan peranginan untuk berehat sambil menikmati keindahan alam semula jadi (atas dan atas kiri).

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 4 Januari. - Aktiviti *camping* atau perkhemahan merupakan satu lagi aktiviti yang tidak asing lagi di negara ini. Aktiviti ini biasanya dilakukan di luar rumah sama ada di taman-taman, hutan atau kawasan peranginan untuk berehat sambil menikmati keindahan alam semula jadi.

Bukan itu sahaja, perkhemahan yang dipanggil tempat rumah sementara ini adalah cara untuk menghabiskan masa bersama keluarga atau rakan-rakan dengan menjalankan pelbagai aktiviti seperti pembelajaran tentang alam semula jadi iaitu flora dan fauna.

Di samping itu juga, perkhemahan ini mempererat hubungan kekeluargaan dan pada masa yang sama memupuk semangat kerjasama antara satu dengan yang lain.

Justeru itu, adalah penting untuk menyediakan persediaan, keselamatan dan kelengkapan yang sesuai semasa melakukan aktiviti perkhemahan berkenaan.

Sebelum memulakan aktiviti perkhemahan ini, persediaan hendaklah disusun rapi seperti berbincang bersama-sama dalam menentukan tempat atau lokasi perkhemahan, durasi (masa) dan aktiviti yang akan dilakukan serta khemah yang akan digunakan.

Seterusnya, keselamatan semasa berkhemah adalah sangat penting untuk memastikan pengalaman berkhemah yang selamat dan menyenangkan. Bahkan semasa berkhemah, kit pertolongan cemas seperti ubat-ubatan, alat pemadam api, kompas dan alat komunikasi seperti telefon bimbit atau radio hendaklah lengkap disediakan. Ini adalah bagi membantu apabila peserta perkhemahan dalam situasi darurat atau kecemasan.

Selain itu, sebelum memulakan perkhemahan hendaklah membawa tilam atau *sleeping bag,* membawa pakaian yang sesuai dan kasut yang selesa, lampu suluh atau LED dan tambahan bateri, penghalau serangga, krim pelindung, peralatan mandian serta membekalkan makanan dan minuman yang tahan lama umpamanya air yang mencukupi, peralatan memasak seperti periuk dan kuali dan sebagainya.

Sebagai tambahan lain, kita hendaklah juga menyediakan tikar atau alas untuk duduk dan bersantai di luar khemah di samping membawa permainan seperti bola, kamera untuk merakam momen-momen indah sewaktu berkhemah.

Dalam berkhemah, kita hendaklah sentiasa memastikan untuk menjaga kelestarian alam dan mengikut peraturan yang ditetapkan di kawasan tersebut. Dalam masa yang sama, menjaga kebersihan, kesihatan dan keselamatan masing-masing.



## سرواءن سوچي

# منشكوري نعمت كأمانن دان كسجهترأن

جماعه يڠ درحمتي الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ دڠن منيڠكتكن كإيمانن كڤدڽ. سسڠڬوهڽ اورڠ يڠ ڤاليڠ مليا دسيسي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ ايت اياله اورڠ يڠ ڤاليڠ برتقوى. موده-مودهن كيت منجادي إنسان يڠ سنتياس مڠايڠتي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ، براوله كحيأن دان كسلامتن ددنيا دان جوك دأخيرة.

الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ برفرمان دالم سورة إبراهيم أية ٧:

**تفسيرڽ:**

**دان (إيڠتله) كتيك توهن كامو مماكلومكن (دڠن سجلس-جلسڽ): دمي سسوڠڬوهڽ جك كامو برشكور (ترهادڤ سڬل نعمتكو) تنتو اكو اكن منمبه نعمت إيت كڤد كامو دان دمي سسوڠڬوهڽ جك كامو كوفور (ترهادڤ نعمت إيت) مك سسوڠڬوهڽ عذابكو ساڠت كراس.**

جماعه يڠ درحمتي الله،

الحمدلله، كيت برشكور كحضرة الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ كران دڠن إذنڽ جوا، كيت ملڠكه كتاهون بهارو مسيحي ٢٠٢٥ دالم كادأن يڠ أمان لاڬي سجهترا. نعمة كأمانن دان كسجهترأن إين سنتوڽ اداله انوݢره يڠ ايستيميوا درڤد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ كڤد كيت. كأمانن دان كسجهترأن اداله كأدأن دمان سسأورڠ، مشاركة دان نڬارا برادا دالم سواسانا هرموني، هيدوڤ روكون داماي دالم كستابيلن فيزيكل دان كتنڠن جيوا، بيبس دري كتاكوتن دان كڬڠڬوان.

ددالم اية ٣-٤ سورة قريش، الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ منكسكن بهوا كأمانن ايت اداله انتارا نعمة يڠ تربسر دكورنياكن كڤد قوم قريش.

**تفسيرڽ:**

**مك هندقله مريك ميمبه توهن ڤميليك روماه اين (كعبه). توهن يڠ مبري مريك ماكن اونتوق مڠهيلڠكن لاڤر دان مڠأمانكن مريك درڤد كتاكوتن.**

اوليه إيت، كيت سلاكو رعيت دان ڤندودوق يڠ برنأوڠ دبومي دارالسلام يڠ برتواه إين تيدق بوليه لالاي دان ليكا، كيت واجب منشكوري نعمت كورنيأن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ إين دان سنتياس منجاڬ اڬر نعمت كأمانن دان كسجهترأن دبومي دارالسلام إين سنتياس برككالن.

جماعه يڠ درحمتي الله،

أڬام إسلام ساڠت ممنتيڠكن كأمانن، كسجهترأن دان كهرمونين دالم هيدوڤ بركلوارك، برمشاركت دان برنڬارا. اوليه إيت، باڬي ممبنترس دان منچڬه دري برلاكوڽ جنايه دان ڤربواتن موڠكر دنڬارا إين، انتارا أجينسي كسلامتن كراجأن يڠ دأمانهكن دان دڤرتڠڬوڠجوابكن سباڬاي ڤنراجو أوتام اونتوق منڠڬكن اوندڠ-اوندڠ إيت اياله ڤاسوكن ڤوليس دراج بروني.

سباڬيمان يڠ كيت معلوم، ڤد ١ جانواري يڠ لالو، ڬنڤله سراتوس أمڤت تاهون أوسيا ڤاسوكن ڤوليس دراج بروني. ڤاسوكن ڤوليس دراج بروني سباڬاي ڤاسوكن يڠ ترتوا دنڬارا بروني دارالسلام تله بركمبڠ بوكن سهاج سباڬاي ڤڠواتكواس دالم ممبنترس دان منچڬه جنايه تتاڤي جوك دالم منڠڬكن كدولتن دان كأمانن نڬارا.

ڤرلو دإيڠت، بهاوا ڤڬاواي دان أڠڬوتا ڤاسوكن ڤوليس هندقله سنتياس منناي أمانه سچارا ڤروفيسسيونال، برديسيڤلين تيڠڬي، برصفة عادل دان تيدق ڤيليه كاسيه، جاديله ڤڬاواي دان أڠڬوتا ڤاسوكن يڠ ڤرواكتيف دالم سام-سام منجاديكن ڤاسوكن ڤوليس دراج بروني سبواه أورڬانيساسي يڠ چمرلڠ، دڤرچاياي دان دسڬاني اوليه مشاركت. دهارڤ ورڬ ڤاسوكن اكن تروس برأوسها اونتوق منيڠكتكن لاڬي ڤڠتهوان دان منچاڤي كتاهڤ يڠ تيڠڬي باڬي مميكول تڠڬوڠجواب يڠ دأمانهكن. جاديله جونتوه دان إينسڤيرسي يڠ بايك كڤد جنراسي مشاركت أڬر كرجاي سباڬاي ڤوليس اين تيدق دڤندڠ سمبيل ليوا، كران كرجاي ڤوليس اينله يڠ برتڠڬوڠجواب مليندوڠي مشاركت درڤد جنايه-جنايه يڠ مڠأنچم كدولتن نڬارا.

جماعه يڠ درحمتي الله،

سسواي دڠن إيرا سيبر دان ڤركمبڠن تيكنولوجي يڠ سماكين چڠڬيه دان ڤسات، ڤاسوكن ڤوليس دراج بروني سنتياس برأوسها اونتوق منيڠكتكن ڤڠتهوان دان كماهيرن ددالم مماچو ڤريستاسي، كواليتي دان كچكڤن يڠ ليبه چمرلڠ دالم مناڠني ترين جنايه يڠ سماكين منچابر دان كومڤليكس ترأوتامڽ جنايه سيبر يڠ سماكين برلالواسا.

مڠيكوت ستاتيستيك جنايه سيبر يڠ ڤرنه دلاڤوركن ڤد تاهون لڤس، ترداڤت لبيه درڤد ٨٤٨ كيس ڤنيڤوان دالم تالين. يڠ مان، ٨٨ ڤراتوس درڤدڽ اداله ورڬ نڬارا تمڤتن. دالم كيس-كيس ڤنيڤوان ترسبوت، كبايقن اداله دكالڠن عمور ٣٦ تاهون كأتس دان جومله كسلوروهن كروڬين سوده ملبيهي دوا ڤرڤولوهن ليم جوت ريڠڬيت. كيني، جنايه سيبر سوده همڤير سايمبڠ دڠن جنايه جوري.

ڤاسوكن ڤوليس دراج بروني مڠاتور ستراتيجي-ستراتيجي دان مرڠكا ڤرانچڠن يڠ منتڤ دالم مناڠني جنايه-جنايه إيرا بهارو يڠ داتڠ دالم ڤلباڬاي بنتوق وارياسي باڬي منچاڤي متلامت واوسن بروني ٢٠٣٥ دالم ممڤرتاهنكن كدولتن دان كستابيلن، أڬر نڬارا بروني دارالسلام منجادي انتارا ساله سبواه نڬارا يڠ ڤاليڠ سلامت ددنيا. ڤاسوكن ڤوليس دراج بروني جوك اكن سنتياس برسياڤ سديا دان ميسوايكن ديري دڠن ڤرسكيترن يڠ سماكين روميت دان كومڤليكس أڬر ڤاسوكن اكن سنتياس برادا ساتو تاڤق دهادڤن ددالم ممستيكن كأمانن سنتياس ترجامين.

جماعه يڠ درحمتي الله،

سميمڠن توڬس منجاڬ كأمانن نڬارا مروڤاكن توڬس دان تڠڬوڠجواب أوتام ڤاسوكن ڤوليس دراج بروني. باڬيمان ڤون، ڤرانن مشاركت دالم توروت سام مناڠاني كسلامتن دان منجاڬ كامانن أمتله ڤنتيڠ، جوسترو، مشاركت عموم ممايݢكن ڤرانن ڤنتيڠ دان مڠيكوت كاڤاسيتي ماسيڠ٢ دالم سام-سام مليندوڠي دان منجاڬ كأمانن دمي ممڤرتاهنكن كدولتن دان كستابيلن نڬارا يڠ كيت چينتاي اين.

كرجاسام يڠ ڤادو انتارا ڤاسوكن ڤوليس دراج بروني دان مشاركت اداله ساڠت-ساڠت دهارڤكن دالم سام-سام ممبنترس جنايه دمي مڠكلكن كأمانان دان كسجهترأن نڬارا. دالم كيت مراءيه كبايكن دان كمصلحتن سرت منولق كبوروقن دان كمضرتن، مك سكل اوسها هندقله دكمبليڠ سچارا برسام. كتهويله، بهاوا أڬام كيت مڠڬالقكن أومتڽ سوڤاي هيدوڤ ساليڠ تولوڠ-منولوڠ دان بنتو-ممبنتو كأره ڤركارا يڠ بايك دان بركباجيقن. فرمان الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ دالم سورة المائدة أية ٢:

**تفسيرڽ:**

**دان تولوڠ-منولوڠله كامو دالم كباجيقن دان كتقوأن دان جاڠنله تولوڠ-منولوڠ دالم دوسا دان ڤرموسوهن (ملڠڬر حكوم-حكوم الله). دان برتقوى له كڤد الله. سسوڠڬوهڽ الله ساڠت برت سيقساڽ.**

جماعه يڠ درحمتي الله،

برسمڤنا دڠن تاهون بهارو مسيحي ٢٠٢٥ إين دان برسمڤنا كيت ممڤرايڠتي سمبوتن هاري ڤوليس كسراتوس أمڤت تاهون، سام-سامله كيت بردعاء سموڬ الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ اكن مليمڤهكن رحمتڽ بروڤا كتڬوهن إيمان، كصيحتن، كأمانن، دان كمعمورن اونتوق كيت سموا سرت دجاوهي درڤد سبارڠ عناصير كبوروقن، ككاچوان دان هورو هارا. آمين يا ربِّ العالمين.

**تفسيرڽ:**

**دان (ايڠتله) كتيك نبي إبراهيم بردعاء: "يا توهنكو! جاديكنله نڬري مكه اين نڬري يڠ امان داماي دان كورنياكنله رزقي درڤد برباڬاي-باڬاي جنيس بواه كڤد ڤندودوقڽ يايت باڬي سياڤا انتارا مريك يڠ برإيمان كڤد الله دان هاري اخيرة." الله برفرمان: "(ڤرموهوننمو اكو تريما) تتاڤي سسياڤا يڠ ايڠكر مك اكو اكن بري جوك دي منيعماتي رزقي ايت باڬي سمنتارا وقتو (ددنيا) كمودين اكو ممقساڽ (دڠن ميريتڽ) كعذاب نراك. دان ايتله سبوروق-بوروق تمڤت كمبالي."**

{سوره البقرة أية: ١٢٦}

ڤليتا بروني
PELITA BRUNEI

# دعاء مموهن کڤد الله سڤاي ترسلامة
# درڤد بلاء دان سکل جنيس ڤڽاکيت

## DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ، وَٱلصَّلَاةُ وَٱلسَّلَامُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ أَجْمَعِينَ.

لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنْتَ سُبْحَٰنَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿3 کالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ ٱللَّهِ ٱلتَّآمَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 کالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ شَيْءٌ فِي ٱلْأَرْضِ وَلَا فِي ٱلسَّمَآءِ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿3 کالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَّسُولُ ٱللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِٱللَّهِ.

بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ خَيْرِ ٱلْأَسْمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ رَبِّ ٱلْأَرْضِ وَٱلسَّمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ دَآءٌ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱفْتَتَحْنَا وَبِٱللَّهِ ٱخْتَتَمْنَا وَعَلَى ٱللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي ٱلْعِزَّةِ وَٱلْجَبَرُوتِ. وَٱعْتَصَمْنَا بِرَبِّ ٱلْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى ٱلْحَيِّ ٱلَّذِي لَا يَمُوتُ.

ٱللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُبِكَ مِنَ ٱلْبَرَصِ، وَٱلْجُنُونِ، وَٱلْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ ٱلْأَسْقَامِ.

ٱللَّهُمَّ ٱصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وِبِلَادِنَا وَجَمِيعِ ٱلْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ ٱلْبَلَآءَ وَٱلْوَبَآءَ وَٱلطَّعْنَ وَٱلطَّاعُونَ وَسَائِرَ ٱلْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ ٱلرَّدَىٰ بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 کالي﴾.

وَصَلَّى ٱللَّهُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ وَسَلَّمَ، وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ.

### TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

Ihsan : Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

## اية الكرسى

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْحَىُّ ٱلْقَيُّومُ ۚ لَا تَأْخُذُهُۥ سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ ۚ لَّهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ ۗ مَن ذَا ٱلَّذِى يَشْفَعُ عِندَهُۥٓ إِلَّا بِإِذْنِهِۦ ۚ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ ۖ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَىْءٍ مِّنْ عِلْمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا شَآءَ ۚ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ ۖ وَلَا يَـُٔودُهُۥ حِفْظُهُمَا ۚ وَهُوَ ٱلْعَلِىُّ ٱلْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾

**Peringatan :**
Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَاۚ وَهُوَ العَلِيُّ الْعَظِيمُ 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

## (صلوات تفرجية)

ٱللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًّا عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ ٱلَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ ٱلْعُقَدُ، وَتَنْفَرِجُ بِهِ ٱلْكُرَبُ، وَتُقْضَىٰ بِهِ ٱلْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ ٱلرَّغَائِبُ وَحُسْنُ ٱلْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى ٱلْغَمَامُ بِوَجْهِهِ ٱلْكَرِيمِ، وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفَسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

**Maksudnya :**
Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhuraikah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

**Penerangannya :**
Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

## سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارُ

ٱللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَآ إِلَٰهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا۠ عَبْدُكَ، وَأَنَا۠ عَلَىٰ عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا ٱسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي، فَٱغْفِرْ لِي فَإِنَّهُۥ لَا يَغْفِرُ ٱلذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

**Maksudnya :**
*"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".*

**Fadilatnya :**
Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## ذکر بچاءن يڠ ممباوا کبراونتوڠن ساڠت بسر کڤد ڤڠعملڽ ( تولق بلاء )

**(1)**

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

**(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).**

**Penerangan :**
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173, Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

**(2)**

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمْ

**(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).**

**Penerangan :**
Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

**(3)**

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

**(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).**

**Penerangan :**
Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

**(4)**

وَأُفَوِّضُ أَمْرِيْ إِلَى اللَّهِ

**(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).**

**Penerangan :**
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

**(5)**

يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيْثُ

**(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).**

**Penerangan :**
Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

## JABATAN PENERANGAN JABATAN PERDANA MENTERI

**Bilangan Tawaran:**
(157) INFO / PK / K / 7
(2024-2025)

**Tajuk Sebut Harga :**
Mencetak Poskad Dan Sampul

**Yuran :**
Tidak Dikenakan Bayaran

**Tarikh Tutup** :
Khamis, 9 Januari 2025.
Jam 8.00 Pagi.

## KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

**Bahagian Teknologi Maklumat Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam**

**Bil. Sebut Harga:**
94 / KHEU / BTM / 2 / RFQ / 2024
The Supply, Installation, Configuration, Testing, Commissioning And Training Of A Door Access Control System For The Information Technology Division, Ministry Of Religious Affairs

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Rabu, 15 Januari 2025.
Jam 2.00 Petang.

## JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**Tawaran Bilangan:**
JDBM / PA / 01 / 2025

**Tawaran:**
Pakej Pengendalian Persembahan Pentas Sempena Majlis Keberangkatan KDYMM Beramah Mesra Bersama Rakyat Bagi Tahun 2025 Bertempat Di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup :**
14 Januari 2025.
Jam 12.00 Tengah Hari.

## JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**1. Keterangan Projek:**
Mencetak 30 Buah Buku Kedatangan, 5 Buah Buku Daftar Penginapan dan 300 Keping Kad Pendaftaran Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria

**Bilangan Tawaran:**
21 / BBS / SH(K) / 2024 - 2025

**2. Keterangan Projek:**
Membekalkan Perabot-Perabot Pejabat Untuk Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria

**Bilangan Tawaran:**
22 / BBS / SH(K) / 2024 - 2025

**Yuran Tawaran:**
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup :**
Selasa, 21 Januari 2025.
Jam 2.00 Petang.

## KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**Tawaran Bagi Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Ke Atas Bangunan Sekolah-Sekolah dan Maktab-Maktab, Kementerian Pendidikan**

**MOE / LTK / 100 / 2024 / 2025 (JPK-JAN-2025)**
Tawaran Terbuka Membekal dan Menghantar Inventor Kit Bagi Projek 'Enhancement Of 21st Century Skills And Steam Projects Bagi Business, Art & Technology Tahun 7 Dan Tahun 8' Bagi Tahun Kewangan 2024 / 2025

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran**:
BND30.00
[Bayaran Yuran / Dokumen TawaranTidak Dikembalikan]

**Tarikh Tutup dan Waktu :**
19 Januari 2025.
[Tidak Lewat Jam 2.00 Petang]

## KEMENTERIAN PERTAHANAN

**Rujukan Tawaran**:
MINDEF / DFA / INFRA / FY2024 / T / GSU / 004 [JPPK / LTK / 25 / 2024]
Eight (8) Months Term Contract For The Janitorial, Grass Cutting, Landscaping And Waste Disposal Works For Sungai Akar Camp And Associated Facilities, Gurkha Security Unit

**Tarikh Mula Tawaran:**
6 Januari 2025.

**Kelas:**
III dan ke Atas Sahaja

**Kategori :**
S01 dan S02

**Tempoh Penyiapan Kerja:**
Lapan (08) Bulan

**Yuran Tawaran:**
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah Isnin, 20 Januari 2025.

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa, 4 Februari 2025.
2.00 Petang.

**Rujukan Tawaran:**
MINDEF / DFA / INFRA / FY2024 / T / GEN / 002(CS) [JPPK / LTN / 19 / 2023]
Five (5) Years Term Contract For Nominated Quantity Surveying Consultancy Services For The Facility Management And Maintenance Term Contract Under Ministry Of Defence

**Tarikh Mula Tawaran:**
6 Januari 2025.

**Syarat Penyertaan:**
Konsultan Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan dan BAPEQS

**Tempoh Penyiapan Kerja:**
Lima (05) Tahun

**Yuran Tawaran:**
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Isnin, 27 Januari 2025.

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa, 4 Februari 2025.
2.00 Petang.

**Rujukan Tawaran:**
MINDEF / DFA / INFRA / FY2024 / T / GSU / 003 [JPPK / LTK / 24 / 2024]
Eight (8) Months Term Contract For The Operational Maintenance And Corrective Repair Of Sungai Akar Camp And Associated Facilities, Gurkha Security Unit

**Kelas:**
III dan Ke Atas Sahaja

**Kategori:**
KA01 dan B01

**Tempoh Penyiapan Kerja :**
Lapan (08) Bulan

**Yuran Tawaran:**
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

**Yuran Dokumen:**
(MINDEF SOR 2019)
(Tidak Dikembalikan):
BND500.00 satu set
(dalam bentuk CD)*

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah Isnin, 20 Januari 2025.

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa, 4 Februari 2025.
2.00 Petang.

## KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

**Bilangan Tawaran:**
(163) JBS / ADM / QC / 2024

**Keterangan:**
Menyediakan dan Menghantar Cenderamata Berupa USB 3.0 Pendrive 256GB Bagi Kegunaan Aktiviti-Aktiviti Program Kebeliaan

**Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Tarikh Tutup:**
23 Januari 2025.

**Bilangan Tawaran:**
34 / DEC / 2024 / KKBS / PJK / 16.14

**Tajuk Tawaran:**
Term Contract (24 Months) For Grass Cutting, Upkeeping Works, Pruning, Trimming, Fertilizing & Pesticide At Ministry Of Culture, Youth And Sports, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup :**
21 Januari 2025.
Jam 2.00 Petang.

**UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM**

**Pengiklanan Jawatan Kosong Peraturan 38(a)**

**Jawatan:**
Penyelia Pejabat

**Tangga Gaji:**
C.1-2 EB.3
(BND1,280 - BND2,270)

**Kekosongan :**
1 Orang

**Jabatan:**
Universiti Brunei Darussalam

**Menghadapkan Borang Permohonan Bagi Yang Berkhidmat Dengan Kerajaan Sahaja**

Pemohon-pemohon hendaklah melengkapkan permohonan melalui pautan:
***https://tinyurl.com/PenyeliaPejabatUBD2024***

Hendaklah memuat naik salinan sijil-sijil, Curriculum Vitae (CV) yang terkini dan dokumen-dokumen yang berkaitan.

Permohonan hendaklah diisikan dengan lengkap tidak lewat **7 Januari 2025.**

Pemohon-pemohon juga dikehendaki untuk menghadapkan salinan asal dokumen-dokumen yang lengkap (melalui Ketua Jabatan) seperti berikut:
• Satu (1) Laporan Sulit
• Salinan Prestasi bagi tempoh 3 tahun kebelakangan (sekurang-kurangnya sangat baik)
• Satu (1) salinan rekod perkhidmatan yang telah dikemaskinikan

Permohonan yang tidak lengkap, tidak mengikut tatacara yang ditetapkan dan lewat diterima tidak akan dilayan.

Hanya pemohon-pemohon yang disenarai pendek (***shortlisted***) sahaja akan dihubungi bagi urusan temu duga.

---

**KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI**

**Bilangan Tawaran:**
MFA / ICT / 2025 / T1

**Tajuk Tawaran:**
Data Centre Hardware Extended Warranty & License Renewal with One Year Maintenance and Support

**Bilangan Tawaran:**
MFA / ICT / 2025 / T2

**Tajuk Tawaran:**
The Subscription and License Renewal for Email Security Appliance and Load Balancer Services

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
7 Januari 2025.
Jam 2.00 Petang.

---

**UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI**

**UNISSA / SB0061 / 2024 / 2025**
Checking, General Servicing, Repair and Top Up Gas Varies Type of Air-Conditioning Unit at Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Campus Sinaut Tutong For One (1) Year – [Class: I & Above] & [Category: M01]

**UNISSA / SB0062 / 2024 / 2025**
Checking, General Servicing, Repair and Top Up Gas Varies Type of Air-Conditioning Unit at Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Campus Gadong For One (1) Year – [Class: I & Above] & [Category: M01]

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Rabu,
15 Januari 2025.
Jam 2.00 Petang.

---

**PUSAT PENGURUSAN BENCANA KEBANGSAAN**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Bilangan Sebut Harga :**
(21) NDMC / TSH / KWG / 2024 - 2025

**Tajuk Sebut Harga:**
Sebut Harga Kelengkapan Pembersihan dan Pengecatan Bagi Bangunan Berpotensi Dijadikan Pusat Pemindahan Sementara Evakuasi (PPSE)

**Yuran :**
BND5.00
(Lima ringgit sahaja)

**Tarikh Tutup :**
Isnin,
20 Januari 2025.
Jam 2.00 Petang.

**Bilangan Sebut Harga** :
(20) NDMC / TSH / 2024 - 2025

**Tajuk Sebut Harga** :
Sebut Harga Perkhidmatan Pembersihan Harian Bangunan Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan Bagi Tempoh Kontrak Dua (2) Tahun

**Yuran :**
BND5.00
[ Lima Ringgit Sahaja ]

**Tarikh Tutup :**
Rabu,
5 Februari 2025.
Jam 2.00 Petang.

---

**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK**
**JABATAN TENAGA**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan Tawaran:**
JPE / LTK / JAN / 100 / 2024

**Tajuk Tawaran:**
Supply and Delivery of Accessory Gear Bearing For GTG17 at SHOASSKW Power Station, Lumut

**Bilangan Tawaran:**
JPE / LTK / JAN / 101 / 2024

**Tajuk Tawaran:**
Supply and Delivery of T-Controller Cards for Mark V Controller For GTG17 at SHOASSKW Power Station, Lumut

**Tarikh Tutup:**
Selasa,
21 Januari 2025.
2.00 Petang.

**Yuran Tawaran:**
BND30.00

**Tempat Tutup :**
"Tender Box"
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,Basement Two (B2)
Jabatan Tenaga,
Jabatan Perdana Menteri,
Kompleks Bangunan Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

**Kelayakan:**
Mempunyai Sijil Pendaftaran Syarikat Dengan Kementerian Pembangunan Dalam Kategori P05.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari Unit Tawaran dan Sebut Harga Tingkat 4, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam



ڤليتا بروني
PELITA BRUNEI




KETAHUI SUMBER GARAM AWDA
كمنترين كصيحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH
GARAM TERDIRI DARI 40% SODIUM
TIPS
1 Pilih makanan segar dan tidak berproses
2 Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat
3 Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam
4 Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin
5 Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam samboi dan pelbagai jenis jeruk
JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN
1385 mg
1 bungkus
Mee Segera
1000 mg
Sebiji
Telur Masin
880 mg
1 sudu makan
Kicap
376 mg
3 sudu makan
Corned Beef
295 mg
1 bungkus kecil
Keropok Ubi Kentang
243 mg
1 bungkus kecil
Keropok Udang Tempatan
120 mg
1 cawan
Kentang Goreng
116 mg
Segenggam
Kacang Tanah (Salted)
15 mg
3 keping
Kraker Beras
2.4 mg
1/2 cawan
Amping
1.7 mg
Segenggam
Kacang Tanah (Unsalted)
1.2 mg
Sebiji ukuran sederhana
Pisang
Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari
Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok
hpcbrunei
Health Promotion Centre
Talian Darussalam 123

# IMBASAN MINGGUAN



IBU bapa juga hendaklah memastikan anak-anak mengatur masa mereka dengan aktiviti luar untuk mengurangkan beban fikiran dan menghilangkan tekanan belajar. - Foto : Azmah Haji Ahad.



ANTARA jemaah masjid yang mengikuti Majlis Khatam Al-Quran sempena meraikan Sambutan Ulang Tahun Ke-41 Penubuhan Masjid Kampung Sungai Besar. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.




SEBAHAGIAN daripada kanak-kanak lelaki klien MKM mengikuti Sesi Bergunting Rambut yang ditaja secara percuma oleh Unorthodox Barber Studio, sebuah syarikat kedai gunting rambut lelaki yang majoriti tukang guntingnya terdiri daripada anak-anak tempatan. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.




SEORANG pegawai dari Jabatan Kemajuan Pelancongan ketika memberi penerangan kepada salah seorang penumpang Kapal Persiaran Norwegian Spirit yang tiba di negara ini. - Foto : Mohammad Hasif Matzin.

SEBAHAGIAN murid Sekolah Rendah Delima Satu Kluster 3 gembira hadir pada hari pertama persekolahan. - Foto : Azmah Haji Ahad.





KETERSEDIAAN fasiliti sukan badminton memudahkan para pemain membuat pilihan daripada segi lokasi, kemudahan dewan dan caj penggunaan. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

# 7 KESALAHAN DI BAWAH PERINTAH PEKERJAAN 2009 DIKESAN

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh





**BAHAGIAN Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh semasa mengendalikan Operasi Siaga 291 / 2024 pada 30 Disember 2024 yang lalu (atas dan atas kanan)**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 4 Januari. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Buruh telah mengendalikan Operasi Siaga 291 / 2024 pada 30 Disember 2024 yang lalu bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Perintah Pekerjaan 2009 dipatuhi oleh para majikan.

Pemeriksaan yang telah dijalankan bagi kegiatan pembekal barang-barang elektrik di kawasan Kampung Lambak dan telah mendapati sebanyak tujuh kesalahan di bawah Perintah Pekerjaan 2009 yang dilakukan oleh majikan kepada pekerja-pekerja tempatan dan asing.

Antara kesalahan tersebut ialah Bab 112(1), Menggaji pekerja asing tanpa lesen dari Pesuruhjaya Buruh yang mana majikan didapati menggaji pekerja asing jaminan syarikat lain dan Bab 112(2), Kesalahan melanggar syarat-syarat Lesen Pekerja Asing, pekerja asing didapati melakukan pekerjaan tidak selaras dengan jawatan yang dibenarkan iaitu pekerja berjawatan *technician* melakukan pekerjaan sebagai jurujual.

Kemudian Bab 72, Gagal memberikan cuti sakit yang disahkan oleh pengamal perubatan, Bab 70, Gagal memberikan cuti pada hari kelepasan awam yang diwartakan, Bab 63, Gagal memberikan cuti rehat, Bab 64, Bekerja pada hari rehat dan Bab 39, Majikan tidak membayar kerja lebih masa.

Bagi kesalahan melanggar Perintah Pekerjaan 2009, jika didapati majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi tiap-tiap kesalahan. Jika gagal membayar denda kompaun tersebut, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Perintah Pekerjaan 2009 seperti mematuhi syarat-syarat Lesen Pekerja Asing iaitu tidak menggaji pekerja jaminan syarikat lain.

Seterusnya, pekerja-pekerja hendaklah melakukan pekerjaan selaras dengan jawatan yang dibenarkan, memberikan cuti sakit yang disahkan oleh pengamal perubatan, memberikan cuti pada hari kelepasan awam yang diwartakan, memberikan cuti rehat sehari dalam seminggu dan membayar bayaran kerja lebih masa.

Untuk maklumat lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).

# Bantu kesan Siti Nur Afrina Syahzani

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

**MUARA**, Sabtu, 4 Januari. - Pasukan Polis Diraja Brunei memohon kerjasama dan bantuan orang ramai bagi mengesan seorang anak perempuan warganegara tempatan, Dayang Siti Nur Afrina Syahzani binti Sofary, berumur 17 tahun dengan nombor kad pengenalan 01-160958, yang dipercayai keluar dari rumah.

Jika terdapat sebarang maklumat mengenainya, sila hubungi ke Balai Polis Muara menerusi talian +673 2770140 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau mana-mana balai polis yang berdekatan.



**WARGANEGARA tempatan, Dayang Siti Nur Afrina Syahzani binti Sofary yang dipercayai keluar dari rumah.**






# Cetuskan semangat baharu di tahun 2025

**Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman**
**Ilustrasi : Seksyen Meja Kreatif, Bahagian Pelita Brunei**

KITA telah memasuki Tahun Baharu 2025 dan tahun 2025 bukan sahaja tahun baharu tetapi ia adalah satu lembaran baharu dalam kehidupan kita dengan semangat dan kegigihan untuk mencapai matlamat serta kejayaan dalam kehidupan. Tahun baharu ini juga akan menciptakan peluang dan harapan yang baharu dalam menjana perkembangan kehidupan berbanding tahun lalu.

Sedar tidak sedar, kita sudah selesai menjalani kehidupan selama 365 hari pada tahun lalu dan kini, membuka tirai tahun baharu dengan berharap perancangan dan matlamat yang tidak tercapai pada tahun lalu, akan termeterai pada tahun baharu ini.

Dalam membuka tirai tahun baharu ini, kita perlu faham bahawa waktu adalah nikmat Allah bagi umat manusia kerana dengan bertambahnya tahun, umur kita juga semakin bertambah. Ia menjadi renungan untuk kita untuk tidak leka dengan kelalaian, justeru kita berusaha meningkatkan amalan dan ketaatan kita mengerjakan suruhan agama.

Permulaan tahun baharu merupakan satu titik permulaan kepada perubahan yang dirancang, juga harapan dalam meningkatkan prestasi diri dan memotivasikan diri ke arah yang lebih baik. Masa berlalu begitu pantas, usahlah kita masih terperangkap dalam pemikiran dan tindakan yang sama, bangkit dan bangunlah daripada tidur, hadapi realiti hidupan dengan menanamkan kegigihan serta menyusun matlamat-matlamat yang mahu dicapai mengikut kemampuan kita.

Tahun demi tahun, dunia semakin berkembang pesat dalam pelbagai aspek. Ada saja kita dengar dan saksikan teknologi dan perkara-perkara baharu yang di luar akal manusia tetapi itulah perkembangan dan kemajuan dunia kita lihat sekarang.

Dengan pembangunan Kecerdasan Buatan (AI) yang semakin maju dan berkembang, kita hendaklah menggunakannya dan memaksimakan sebaiknya dan perlu diketahui juga kesan baik dan buruknya.

Kita sebagai generasi pada masa ini perlu berkembang seiring dengan pembangunan teknologi yang semakin maju dengan memanfaatkannya dengan sebaik mungkin, bukanlah sebaliknya.

Dengan menapak ke tahun baharu ini, kita perlulah menggembleng tenaga mempertingkatkan usaha ke arah masa depan yang lebih cekal dan berdaya saing bukan sahaja untuk diri kita tetapi untuk negara secara keseluruhannya.

Kegagalan yang dialami pada tahun lalu dijadikan sebagai pemangkin semangat untuk melangkah ke arah kejayaan dengan merefleksi diri dan muhasabah agar kegagalan tersebut tidak terulang lagi.

Meskipun tahun 2024 diwarnai dengan pengalaman pahit dan manis, kita seharusnya bersyukur kerana diberi peluang untuk bernafas dan melangkah ke tahun baharu dengan semangat iltizam yang berkobar-kobar untuk memajukan diri sendiri dan memberikan impak kepada masyarakat dan negara.

Semangat baharu di tahun 2025 ini didorong dengan dengan motivasi, atau tenaga baharu yang timbul untuk menghadapi cabaran dan peluang yang datang pada tahun ini. Ia menggambarkan suatu sikap positif dan penuh harapan untuk memulakan sesuatu yang lebih baik, baik daripada segi peribadi, profesional atau sosial.

Dalam konteks ini, semangat baharu melibatkan beberapa perkara iaitu seperti peningkatan diri di mana seseorang ingin menjadi lebih baik, lebih produktif atau lebih berdisiplin dalam mencapai matlamat hidup mereka. Ini boleh melibatkan pembelajaran kemahiran baharu, menjaga kesihatan, atau memperbaiki hubungan.

Dengan semangat motivasi yang jitu, kita dapat menghadapi perubahan dan cabaran yang akan dihadapi pada tahun ini. Tidak dinafikan pada tahun ini mungkin membawa perubahan besar dalam kehidupan seseorang. Semangat baharu dapat membantu individu untuk lebih tabah dan positif dalam menghadapi segala cabaran yang datang.

Seiring dengan iltizam yang tinggi, tahun baharu sering dianggap sebagai peluang untuk memanfaatkan peluang yang ada, baik dalam kerjaya, perniagaan atau aspek kehidupan yang lain. Semangat baharu ini dapat mendorong individu untuk mengambil risiko atau langkah baharu yang lebih berani.

Semangat baharu di tahun 2025 diharap dapat membina keyakinan, memperbaharui tekad, dan memulakan perjalanan menuju kejayaan atau pencapaian yang lebih besar, dengan harapan dan kegigihan yang lebih tinggi.

Untuk merealisasikan keteguhan semangat untuk tahun baharu ini ialah dengan meningkatkan produktiviti iaitu memanfaatkan setiap peluang untuk meningkatkan prestasi diri dalam bidang kerjaya atau pendidikan. Ini mungkin melibatkan pembelajaran kemahiran baharu atau menetapkan matlamat jangka pendek dan jangka panjang serta menghadapi kegagalan atau kesukaran dengan ketabahan dan tidak berputus asa.

Semangat berkobar mengajarkan kita untuk terus bangkit, walaupun dunia kelihatan tidak memihak pada kita. Ini juga merangkumi dengan keseimbangan hidup iaitu menetapkan keseimbangan antara kerja dan kehidupan peribadi, menjaga kesihatan mental dan fizikal, serta memperkukuh hubungan dengan orang yang kita sayangi.

Oleh itu, tahun 2025 ini adalah simbol permulaan sesuatu yang baharu dan harapan untuk mencapai kejayaan atau kebahagiaan yang lebih baik. Pada tahun ini juga mungkin ia menjadi masa untuk memulakan sesuatu yang baharu, menetapkan matlamat hidup baharu, atau memperbaiki segala aspek kehidupan yang sebelumnya dirasakan kurang memuaskan.

Ke depannya, kita perlu mengorak langkah dan mencetuskan lembaran baharu dalam sejarah yang menunjukkan komitmen kita terhadap kemajuan diri dan negara. Bersama-sama, kita boleh mengatasi sebarang cabaran yang datang dan memastikan hari esok yang lebih baik untuk kita semua.



Belia Berwawasan



# Seni turun-temurun serikan majlis

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Ihsan Kumpulan Arrazzaq**

**BELIA** memainkan peranan penting dalam memelihara dan mempertahankan seni budaya tradisi seperti hadrah dan dikir. Dengan memberikan perkhidmatan dalam bentuk persembahan kepada masyarakat, belia bukan sahaja dapat menghidupkan semula seni budaya tersebut bahkan ia terus memastikan ia terus dihargai dan kekal relevan kepada masyarakat. Seni budaya tradisi ini juga dapat meningkatkan hubungan silaturahim dalam kalangan masyarakat setempat dan memberi peluang kepada pelapis seterusnya untuk mendedahkan, mengenali dan menghayati serta memupuk minat mereka untuk mewarisi warisan budaya seni yang turun-temurun.

Sehubungan itu, Belia Berwawasan kali ini menampilkan Kumpulan Arrazzaq 'Penyeri Majlis Biskita'. Kumpulan ini diketuai oleh Awang Muhammad Aliuddin bin Alias, 32 tahun dari Rancangan Perumahan Negara Kampung Rimba. Kumpulan ini telah ditubuhkan pada tahun 2002 dan pada masa ini mempunyai ahli seramai 20 orang dan rata-ratanya berumur dalam lingkungan 18 hingga 35 tahun. Pengasas asal Kumpulan Arrazzaq adalah Pengiran Matzin dan Awang Haji Zaman. Kumpulan tersebut sering memberikan khidmat menerusi persembahan hadrah, tausyeh mahupun dikir kepada masyarakat pada majlis-majlis perkahwinan dan acara keraian. Persembahan hadrah dimainkan pada majlis-majlis perkahwinan adalah bagi memeriahkan hari istimewa para pasangan pengantin di samping menghiburkan para jemputan yang hadir. Menerusi persembahan hadrah ini setentunya memperkenalkan kepada pelapis seterusnya seperti kanak-kanak akan warisan budaya seni muzik tradisi Brunei kepada mereka. Di samping itu, kumpulan ini juga sering menerima pelawa untuk memainkan hadrah sebagai isyarat bagi keberangkatan para kerabat diraja pada sesuatu majlis. Selain hadrah, kumpulan berkenaan juga aktif dalam memberikan persembahan tausyeh jika ada permintaan tempahan daripada orang ramai.

Bukan sahaja perkhidmatan hadrah dan tausyeh, kumpulan ini juga turut ada kalanya dipelawa bagi memberikan khidmat dalam membawakan persembahan dikir. Antara dikir-dikir yang dipersembahkan ialah Dikir Brunei Lama dan itu selain Dikir Syarafil Anam. Menurut Awang Muhammad Aliuddin, "Kebanyakan kami membawakan Dikir Syarafil Anam tetapi ada juga kalanya membawakan dikir-dikir lama selalunya atas permintaan dikir orang-orang lama. Menyentuh mengenai latihan kami selalunya akan membuat latihan pada setiap malam Jumaat.

### Cabaran

Menurut ketua kumpulan berkenaan, cabaran terbesar pada masa ini adalah komitmen dan juga pelapis. Di mana kadang-kadang mereka terpaksa menolak jemputan atas alasan kekurangan ahli sebab komitmen kerja dan lain-lain hal. Tetapi perkara ini amat jarang berlaku sebab mereka akan berusaha untuk mencari kawan-kawan atau saudara-mara yang pandai dikir / hadrah / tausyeh sebagai pengganti untuk menyertai di sesuatu jemputan. Mengenai pelapis pada masa ini, jelas Awang Muhammad Aliuddin, mereka berusaha untuk mencari pelapis dengan membukakan kelas dan cuba mengiklankan di media sosial. Jelas beliau lagi, cabaran terbesar adalah kurangnya panggilan jemputan terutama hadrah selepas pandemik COVID-19.

Pada masa ini katanya, memang berkurang menerima tempahan untuk jemputan-jemputan perkahwinan bagi hadrah. Oleh itu, bermula tahun ini, kumpulan berkenaan membuka kelas hadrah untuk mencari pelapis.

### Kenangan manis

Kenangan manis sepanjang penglibatan dalam memberikan khidmat kepada masyarakat : -

- Penglibatan dalam mempersembahkan hadrah dan tausyeh sempena Perkahwinan Diraja.
- Hadrah semasa pembukaan Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha.
- Persembahan tausyeh semasa bersama rakyat semasa pembukaan Taman Mahkota Jubli Emas yang mewakili Mukim Gadong dan seterusnya bergambar bersama kerabat diraja.
- Persembahan dikir dan hadrah di rumah-rumah orang kenamaan, persembahan di Pentas Perayaan.
- Persembahan hadrah mengiringi ketibaan dan berangkat balik acara-acara yang melibatkan kerabat diraja.
- Diberi kepercayaan untuk melatih hadrah di salah sebuah sekolah menengah kerajaan.

### Perancangan masa depan

Menyentuh mengenai perancangan masa depan Awang Muhammad Aliuddin menjelaskan, adalah untuk mempertahankan dan menaikkan budaya hadrah orang Brunei. Jelasnya, lebih ramai anak-anak muda ikut belajar dan tahu cara-cara permainan hadrah. Tambahnya, biar jadi turun-temurun sampai bila-bila, mereka mahu orang bangga dengan hadrah Brunei dan terus menjadi hiburan utama di majlis-majlis perkahwinan dan sebagainya. "InsyaaAllah, kami juga akan cuba mengekalkan dikir-dikir lama dan akan terus belajar dikir-dikir lama atau Dikir Brunei dan diturunkan kepada warisan akan datang," jelasnya.

Bagi setiap perkhidmatan persembahan hadrah, tausyeh mahupun dikir, bayaran akan dikenakan dan kumpulan ini menerima deposit terlebih dahulu bagi sebarang tempahan. Kepada yang berminat untuk menempah kumpulan untuk membuat persembahan hadrah, tausyeh dan dikir, sila hubungi teks Kumpulan Arrazzaq melalui teks di talian WhatsApp +673 8853686 atau layari laman Instagram *@kumpulan_arrazzaq*.

### Saranan

"Jangan malu atau takut kalau berminat dengan budaya kita. Sama-sama belajar dan pertahankan budaya yang ada. Belia-belia memainkan peranan dan tanggungjawab besar untuk mempertahankan dan mengembangkan budaya kita," ujarnya menjelaskan lagi. Beliau menambah, selagi budaya itu masih ada walau berkurang, namun kita sama-sama mengusahakan untuk memperkembangkannya semula.

# MANFAATKAN PENGGUNAAN INTERNET DENGAN BIJAK



**PENGGUNAAN internet yang tidak berhati-hati boleh membawa risiko kepada keselamatan peribadi seperti serangan siber, kecurian identiti dan kehilangan data penting.**

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 4 Januari. – Internet boleh dimanfaatkan untuk pelbagai perkara bermanfaat terutamanya dalam bidang pendidikan, antaranya dengan mengikuti pelbagai kursus dalam talian di mana terdapat banyak platform pendidikan yang menawarkan kursus percuma dan berbayar dalam pelbagai bidang seperti sains, matematik, teknologi, seni, bahasa dan banyak lagi.

Selain itu, internet juga boleh digunakan untuk menambah kemahiran diri sebagai contoh melalui YouTube iaitu salah satu saluran media yang sangat berguna untuk mencari pengalaman tutorial dan pembelajaran dalam pelbagai topik, di mana banyak saluran menyediakan video pembelajaran dalam format yang mudah difahami.

Internet juga adalah sumber yang tidak terbatas untuk mendapatkan maklumat daripada jurnal, artikel ilmiah, ensiklopedia dalam talian seperti Wikipedia dan banyak lagi, selain terdapat banyak aplikasi pendidikan yang boleh membantu dalam penguasaan kemahiran tertentu seperti aplikasi bahasa (contohnya Duolingo), pembelajaran kod (contohnya Codecademy) atau aplikasi matematik (seperti Wolfram Alpha).

Mengikuti forum atau kumpulan perbincangan dalam talian (seperti Stack Exchange, Reddit atau Quora) juga boleh memberi peluang untuk belajar dari pengalaman orang lain dalam topik tertentu.

Dengan menggunakan internet untuk belajar, kita dapat terus mengembangkan pengetahuan dan kemahiran kita dengan lebih mudah dan berkesan.

Namun demikian, kita janganlah pula lalai dan leka dengan kemudahan-kemudahan internet ini yang juga boleh mengundang anasir-anasir atau unsur-unsur tidak baik terutama kepada golongan muda dan kanak-kanak jika disalahgunakan.

Penggunaan internet yang tidak terkawal atau berlebihan boleh membawa beberapa kesan buruk, antaranya ketagihan dan pembaziran masa di mana penggunaan internet yang berlebihan, terutama untuk media sosial, permainan dalam talian atau menonton video, boleh menyebabkan ketagihan yang boleh mengganggu rutin harian dan mengurangkan produktiviti.

Penyebaran maklumat palsu (*fake news*) juga boleh digunakan melalui internet untuk menyebarkan maklumat yang tidak sahih atau palsu seterusnya menyebabkan kekeliruan dan mempengaruhi pendapat umum secara negatif.

Di samping itu, penggunaan internet yang tidak berhati-hati boleh membawa risiko kepada keselamatan peribadi seperti serangan siber, kecurian identiti, dan kehilangan data penting contohnya menggunakan kata laluan yang lemah atau berkongsi maklumat peribadi di laman yang tidak selamat.

Penggunaan internet secara ekstrem, jika terlalu banyak terdedah kepada maklumat atau kandungan negatif (seperti berita sensasi, keganasan atau kemalangan) boleh memberi kesan buruk kepada kesihatan mental, meningkatkan rasa kebimbangan atau stres serta boleh menyebabkan gangguan sosial.

Ketagihan terhadap dunia maya mungkin mengurangkan interaksi secara bersemuka, yang penting untuk hubungan sosial dan kesejahteraan emosi.

Pengguna internet yang tidak berhati-hati juga boleh terdedah kepada risiko pelanggaran privasi, bilamana data peribadi yang dikongsi tanpa disedari boleh disalahgunakan oleh pihak ketiga untuk tujuan komersial atau unsur jahat.

Selain itu, pengaruh negatif media sosial juga boleh membawa kesan buruk seperti perbandingan sosial yang tidak sihat atau buli siber yang boleh memberi impak negatif kepada kesejahteraan mental dan personaliti seseorang.

Paling ketara ialah apabila awda mengalami masalah gangguan tidur kerana penggunaan internet pada waktu malam, terutamanya melalui telefon pintar atau komputer, boleh mengganggu pola tidur.

Cahaya biru daripada skrin boleh menghalang pengeluaran Melatonin, hormon yang mengatur tidur, menyebabkan gangguan tidur.

Secara keseluruhannya, walaupun internet menawarkan banyak manfaat, penggunaan yang tidak terkawal atau tidak bijak boleh membawa kesan negatif kepada kehidupan individu.

Oleh itu, adalah penting untuk menggunakan internet dengan cara yang bijak dan seimbang.




# Kepentingan menjaga alam sekitar tanggungjawab bersama



**Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin**

**MENGURANGKAN penggunaan plastik dan mengelakkan pembaziran memainkan peranan yang penting dalam menjaga hidupan lain di bumi ini.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 4 Januari. - Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, isu membabitkan alam sekitar semakin mendapat perhatian apabila kesan perubahan iklim serta pencemaran alam menjadi lebih ketara dan memberi impak pada skala global.

Kesan seperti peningkatan suhu global dan pengurangan kualiti udara ini tidak dapat diambil ringan kerana ia boleh menjejaskan kesihatan terutama bagi anak kecil atau mereka yang mempunyai masalah kesihatan.

Tanggungjawab menjaga alam sekitar ini bukan hanya terletak pada segelintir individu atau organisasi sahaja tetapi juga tanggungjawab setiap manusia yang hidup di bumi ini tanpa mengira peringkat umur atau lapisan masyarakat.

Ini kerana setiap manusia memerlukan sumber alam sekitar setiap hari termasuk udara yang segar, air yang bersih dan tanah yang subur bagi meneruskan kelangsungan hidup untuk hari ini dan juga generasi akan datang.

Justeru, usaha menjaga dan melestarikan alam sekitar tersebut perlu dilaksanakan bersama bagi mewujudkan perubahan yang berkekalan dan bermakna.

Tugas menyebarluaskan kesedaran dan mendidik masyarakat mengenai kepentingan penjagaan alam sekitar seharusnya bermula dari rumah dengan menerapkan amalan mampan dalam kehidupan seharian masing-masing.

Antaranya menjimatkan penggunaan air dan tenaga elektrik, memilih peralatan elektrik cekap tenaga, membawa beg kitar semula semasa membeli belah dan menghindari plastik sekali guna.

Tanggungjawab kita seterusnya adalah menghindari diri daripada membuat kerosakan terhadap alam sekitar termasuk tidak melakukan pembakaran terbuka dan membuang sampah di merata-rata tempat terutama sisa buangan plastik yang boleh mencemarkan sungai atau laut dan memberi kesan buruk kepada hidupan marin serta keseluruhan rantaian makanan.

Amalan-amalan mampan ini membantu memastikan keperluan manusia pada hari ini dipenuhi tanpa menjejaskan keperluan generasi yang akan datang untuk memiliki persekitaran sihat, di mana mereka dapat menikmati air dan udara yang berkualiti.

Persekitaran yang maju, mampan dan bersih seharusnya dijadikan matlamat oleh setiap individu sebagai panduan bagi mereka dalam menjalankan tanggungjawab untuk melindungi dan memelihara alam sekitar.

Dengan menjalani gaya hidup yang mampan seperti mengurangkan penggunaan plastik dan mengelakkan pembaziran, kita memainkan peranan yang penting dalam menjaga hidupan lain di bumi ini.

Kita dapat sama-sama berganding bahu mewujudkan persekitaran serta masyarakat yang mampan dan meninggalkan khazanah berharga bagi generasi seterusnya.

# DDT FC CIPTA KEMENANGAN SULUNG





AKSI para pemain pada persaingan Brunei Elite Futsal League (BEFL) di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas (atas dan atas kanan).

**Berita dan Foto : Ihsan Yakin Football League**

**BERAKAS**, Ahad, 5 Januari. - Kemenangan sulung DDT FC dalam persaingan Brunei Elite Futsal League (BEFL) menjadi bukti semangat perjuangan pasukan berkenaan yang tidak pernah mengenal erti putus asa sekalipun berdepan dengan cabaran getir.

"Kejayaan sulung ini sememangnya bukan sekadar satu pencapaian di atas kertas tetapi simbol kepada segala usaha, pengorbanan dan semangat juang pasukan yang tidak pernah mengenal erti putus asa," jelas Pengurus Pasukan DDT FC, Mohd. Sabtu Sapar pada persaingan BEFL di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Selepas hampa pada empat perlawanan lalu, Pasukan DDT FC bijak menewaskan Pasukan Kota Ranger BK FC dengan jaringan 3-1 selepas menayangkan mutu permainan yang lebih menarik dengan strategi dan percaturan serangan yang berkesan untuk memastikan kemenangan sulung yang menjadi idaman pasukan dari Daerah Temburong itu.

Menurut Mohd. Sabtu, kesungguhan pemain - pemain telah menjadi bukti nyata bahawa visi dan misi pasukan, terutama dalam mengangkat bakat tempatan Daerah Temburong, jelas berada di landasan yang betul.

Katanya, detik ini pasti menjadi titik permulaan untuk pencapaian yang lebih besar dan kemenangan pertama ini juga sebagai mesej kepada pesaing lain bahawa DDT FC bukan hanya sekadar pasukan biasa, tetapi sebuah pasukan dengan matlamat jelas dan keazaman tinggi.

DDT FC yang berada di corot tangga BEFL jelas berusaha keras untuk mencari jaringan awal, namun penyokong DDT FC mula lega selepas Awangku Mohd. Azreen berjaya membuka tirai jaringan pada minit ke-15 dan menggandakan jaringan pada minit ke-23 untuk kedudukan 2-0.

Pasukan Kota Ranger BK FC yang juga berusaha merapatkan jaringan bagaimanapun tersentak apabila DDT FC berjaya menambah jaringan pada minit ke-37 sekalipun Pengiran Muhd. Khairul Huda berjaya mencipta jaringan buat Kota Ranger BK FC pada minit ke-39.

Namun, Pasukan DDT FC lebih kental mengekalkan kedudukan untuk memastikan mereka membawa pulang kemenangan berharga.

Kejayaan Pasukan DDT FC itu membantu mereka mengakhiri badi kehampaan berada di corot liga BEFL sepanjang empat perlawanan yang lalu.




# Street United menduduki tangga ke-3 BPFL





**SEBAHAGIAN aksi perlawanan di antara Street United menentang Majlis Sukan Sekolah-sekolah Brunei Darussalam (MS SSBD) (kiri dan kiri sekali).**

**Berita dan Foto : Ihsan Yakin Football League**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 5 Januari. - Street United tidak menghadapi masalah untuk menafikan cabaran Majlis Sukan Sekolah-sekolah Brunei Darussalam (MS SSBD) dengan jaringan 7 - 0 pada persaingan Liga Premier Futsal Brunei (BPFL-Brunei Premier Futsal League) di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Kejayaan besar Street United berkenaan membantu mereka naik tangga ketiga untuk merapati jurang kedudukan oleh Hars United dan PES yang berada di puncak dan kedua liga.

"Kita sangat bersyukur dengan kemenangan menentang MS SSBD yang sudah tentu membantu mengembalikan momentum Street United setelah dikecewakan oleh Majlis Sukan Polis Diraja Brunei (MS PDB) pada perlawanan yang lalu.

"Kami perlu meningkatkan prestasi ini sebagai bekalan pada perlawanan seterusnya yang dijangka lebih rumit dan mencabar," jelas Pengurus Pasukan Street United, Zeki Bakar.

Pihak pengurusan rasa gembira menyaksikan para pemain kembali bersemangat dan berusaha lebih gigih sehingga berjaya mencipta kejaringan yang besar.

Street United tidak menunggu lama untuk memecah kebuntuan jaringan apabila pemain lincah, Pudin Marji bijak membuka tirai jaringan pada minit ke-2 dan Aleep Rahim bijak menambah jaringan kedua pada minit ke-4.

Sementara Setiawan Dimas tidak menghampakan umpanan rakan untuk menyempurnakan jaringan pada minit ke-7.

Sentuhan menarik skuad Street United bersambung di babak kedua sekalipun MS SSBD berusaha keras mengimbangi perlawanan tetapi sentuhan Aleep Rahim pada minit ke-23 menambah beban MS SSBD dengan ketinggalan 0 – 4.

Sementara, dua jaringan daripada Adi Zulhusni dan sentuhan menarik Aldy Omar pada minit akhir perlawanan melengkapkan keceriaan Street United untuk berada di tangga ke-3 BPFL.




# PUPUK SEMANGAT KERJASAMA DALAM KALANGAN BELIA



**SUASANA Perlawanan Persahabatan Badminton antara belia dan beliawanis masjid dengan Majlis Belia Brunei (MBB) yang diadakan di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Tutong anjuran Jabatan Hal Ehwal Masjid melalu Bahagian Hal Ehwal Belia (kiri dan kanan).**

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Hal Ehwal Masjid**

**TUTONG**, Ahad, 5 Januari. – Jabatan Hal Ehwal Masjid melalui Bahagian Hal Ehwal Belia mengadakan Perlawanan Persahabatan Badminton antara belia dan beliawanis masjid dengan Majlis Belia Brunei (MBB) yang diadakan di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Tutong.

Antara tujuan perlawanan berkenaan diadakan adalah untuk memberi peluang kepada para peserta pengalaman dalam pertandingan badminton selain untuk melatih peserta menghargai kesihatan tubuh badan.

Perlawanan berkenaan juga dihasrat untuk memupuk semangat kerjasama antara kumpulan serta mengikis sikap mementingkan diri sekali gus mengeratkan lagi silaturahim di antara belia dan beliawanis masjid dan MBB agar dapat dimanfaatkan dan berbagi ilmu dalam kalangan mereka.

Turut hadir, Ketua Bahagian Hal Ehwal Belia, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Yusli bin Haji Ashli.

# Eratkan ukhuwah melalui Perlawanan Persahabatan Badminton



**SESI bergambar ramai pada Perlawanan Persahabatan Badminton yang berlangsung di Dewan Satenaga, Kampung Tanjong Nangka.**

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Ihsan Pemain Bulu Tangkis Harmoni, Badminton Veteran Bengkurong Community**

**TANJONG NANGKA**, Ahad, 5 Januari. - Hubungan dua hala antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Sabah, Malaysia terus diperkukuh dengan adanya program menerusi aktiviti sukan dalam Perlawanan Persahabatan Badminton bersama dua pasukan badminton di negara ini.

Rombongan Kelab Badminton North Borneo Sport Club (NBSC) dari Sabah berkesempatan membuat perlawanan persahabatan bersama Pemain Bulu Tangkis Harmoni (PBT Harmoni) bertempat di Dewan Satenaga, Kampung Tanjong Nangka.

Selepas itu, rombongan pelawat berkenaan beradu tenaga bersama para pemain daripada Badminton Veteran Bengkurong Community (BVBC) yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan Mukim Kilanas.

Rombongan NBSC berkenaan diketuai oleh Awang Edip bin Haji Awang, manakala Awang Haji Jofri bin Haji Sahat dan Awang Haji Mohd. Alidin bin Haji Kura, masing-masing mengetuai bagi PBT Harmoni dan BVBC.

Para pasukan menyambut baik kedatangan rombongan luar untuk bersaing secara sihat dalam sukan badminton berkenaan sekali gus mengeratkan lagi ukhuwah sesama mereka.

Ikatan dua hala berkenaan mula terjalin sejak 2017 lalu dan mereka sering bertukar-tukar perlawanan persahabatan dan pasukan NBD juga pernah ke Sabah sekitar empat tahun lepas.

Dengan adanya perlawanan seumpama berkenaan diharap akan diteruskan juga oleh generasi muda agar ikatan persahabatan terus terjalin sampai bila-bila.